

BERITA ONLINE
UTUSAN BORNEO
TARIKH: 1 OGOS 2022 (ISNIN)

**Utusan
Borneo
Online**

Serpihan logam disyaki komponen roket China dijumpai di Niah

© 2022-08-01T12:16:09+08:00



Sepasukan polis sedang memantau rapi kawasan penemuan serpihan logam (gambar sisipan) dipercayai sebahagian komponen roket milik negara China yang dijumpai terbenam di pekarangan rumah seorang penduduk di Goodwill Garden, Sepupok, Niah semalam.

MIRI: Satu serpihan logam disyaki sebahagian komponen roket milik negara China telah dijumpai terbenam di pekarangan rumah seorang penduduk di Goodwill Garden, Sepupok, Niah pada Ahad.

Perkara itu disahkan Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Terdahulu katanya, sekitar jam 5.30 petang Ahad, pihak polis telah menerima satu laporan daripada seorang penduduk di kawasan itu.

"Dalam aduannya, penduduk terbabit mendakwa sekitar jam 8 pagi semalam, beliau menjumpai satu serpihan logam disyaki sebahagian komponen roket milik negara China telah terbenam di perkarangan rumahnya.

"Hasil tinjauan awal yang dilakukan polis mendapati terdapat satu serpihan logam terbenam ke dalam tanah pada kedalaman lebih kurang satu meter di kawasan rumah penduduk terbabit," katanya.

Bagaimanapun menurut Alexson, pihak polis tidak dapat mengesahkan asal-usul serpihan logam itu dan telah meminta bantuan daripada Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Miri serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menganalisa tempat kejadian.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai agar tidak berada di kawasan berhampiran penemuan itu kerana dibimbangi serpihan logam tersebut mengandungi bahan radioaktif yang boleh memudaratkan kesihatan.

"Kawasan penemuan telah dipantau dengan rapi untuk memastikan tiada sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

"Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan berita yang tidak benar kerana ia boleh menimbulkan kegusaran kepada masyarakat," ujar beliau sambil menambah mereka boleh menghubungi balai polis berhampiran untuk menyalurkan maklumat atau mendapatkan kepastian tentang kejadian tersebut.